

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Isnin, 5 Ogos 2019

M/S : 22

MUKA 22

tutor.com.my

UTUSAN MALAYSIA • ISNNIN 5 OGOS 2019

Tutor A+ ke PNM, Parlimen, PPD

Oleh WAHID HASHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 OGOS

Lebih ramai pihak menyiarkan minat untuk menyatakan laman web Tutor A+ sebagai bahan pengisian akademik secara langsung atau tidak langsung dalam program-program pendidikan utama masing-masing.

Terbaru, ialah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), kawasan parlimen dan agensi-agensi pendidikan yang berkongsi pandangan yang sama bahawa Tutor A+ merupakan bahan yang mudah, murah dan mampu dijadikan sama ada projek rintis, program komuniti atau bahan sumbangan sosial oleh pihak korporat (CSR).

Pegawai Khas di Pejabat Menteri Pendidikan, Profesor Madya Dr. Ezree Abdullah mendapati Tutor A+ yang boleh diakses melalui www.tutor.com.my mempunyai potensi untuk digunakan secara menyeluruh kerana ciri-cirinya yang mudah dan senang untuk diakses.

“Saya dapat laman web ini boleh menjadi bahan pengisian kepada program-program komuniti, dengan penggunaan yang meluas, sama ada oleh guru ketika mengajar, atau calon peperiksaan semasa melakukan akses kendiri,” katanya selepas melihat sendiri reka bentuk instruksi (ID), yang katanya mesra capaian



PENGARAH Eksekutif Tutordotcom Solution Sdn Bhd, Roslan Abd Ghani (kanan) menyerahkan buku kepada Dr. Ezree Abdullah di Kluang, Johor baru-baru ini. Turut hadir, dari kiri Md Said Md Daimon, Adzlan Raju, Wahid Hashim dan Mohd Firdaus Wahid.

internet dan mesra ejet.

Pandangan beliau di sokong oleh Pegawai Khas Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh, iaitu Noor Khalim Sakib yang begitu bersungguh-sungguh mahu menjadikan Tutor A+ sebagai alat pengukuhan, pengayaan serta pemulihan pelajar setempat - di bawah program CSR.

“Cara bagaimana ia akan dilaksanakan, kita serah kepada pihak PPD, sama ada hanya untuk sekolah terpilih, atau kita tebarkan lebih menyeluruh berdasarkan prestasi atau kemampuan keluarga,” ujarnya.

Pegawai Pendidikan Daerah Batu Pahat, Md Said Md Daimon

mempunyai perancangan yang lebih rapi jika perancangan untuk membiayai Tutor A+ oleh Kumpulan Utusan bersama-sama dengan inisiatif Parlimen itu menjadi kenyataan.

Yang paling penting, kata beliau, ialah setiap program perlu dilakukan secara berfokus.

Beliau menggambarkan tentang perlunya proses penurunan proses kepada Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+) sebelum diturunkan ke sekolah melalui program-program yang lebih khusus.

“Inilah peluang untuk kita menyediakan soalan-soalan yang ada di dalam Tutor A+ dengan program-program penambah-

baikan calon peperiksaan seperti program *headcount* atau sebagainya,” ujar beliau.

Untuk menjadikan program lebih berfokus, Md Said mendoangkan, jika boleh dilakukan program rintis di beberapa buah sekolah bagi melihat keberkesanannya sebarang program yang menggunakan platform Tutor A+ untuk sesuatu tempoh tertentu, misalnya enam bulan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah, Unit Perolehan Pangkalan Data, Bahagian Pembinaan Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Suhaila Abd Rahman berkata, pihaknya mencari bahan pembelajaran atas talian yang bahan-bahannya mengikut

sukatan pelajaran dan lebih penting, selalu dikemas kini.

“Jika pihak Tutor A+ mempunyai aktiviti pengukuhan untuk calon yang dapat menyokong bahan latih tubi yang dibuat pelajar, maka ia akan memberi kelebihan kepada Tutor A+,” ujarnya.

Pegawai Teknologi Maklumat PPD Kluang, Mohd Firdaus Wahid berkata, Tutor A+ sesuai menjadi teman belajar kepada pelajar yang tidak boleh berenggang dengan gajet masing-masing.

Dengan membuat latih tubi secara istiqamah, calon boleh membuat ujian ke atas kemampuan dan persediaan diri - sama ada telah bersedia atau belum menduduki peperiksaan sebelumnya.

“Saya juga melihat, ibu bapa boleh memantau kad laporan digital yang dihantar melalui notifikasi emel,” katanya.

Terdahulu, Pengarah Eksekutif Tutordotcom Solution Sdn Bhd, Roslan Abd Ghani memberitahu, pihaknya akan menyediakan sebanyak 300 kata laluan secara percuma untuk setiap kawasan terpilih iaitu Simpang Renggam, Pagoh dan Sri Gading.

Perbincangan turut berkisar kepada modus operandi program, yang diperincikan di setiap kawasan masing-masing kemudian.

Turut hadir ialah Pengarang Pendidikan, Wahid Hashim yang menerangkan serba sedikit tentang Tutor A+.